

**KENYATAAN SEBUT HARGA
(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)**

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan PKK, memegang **Sijil Perakuan Pendaftaran (CIDB), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (CIDB) dan Sijil Taraf Bumiputera (PKK) di Pulau Pinang sahaja** dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini, bagi kerja-kerja berikut :-

(i)	NO. SEBUTHARGA	PERDA/BHT/S/5/2024
(ii)	TAJUK SEBUTHARGA	PROJEK NAIK TARAF DAN PENYELENGGARAAN BANGUNAN SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI DEWAN GERAKAN MASYARAKAT SUNGAI DURI, TAMAN SUNGAI DURI, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG.
(iii)	KELAYAKAN	Gred G2 : Kategori CE:- Pengkhususan CE21
(iv)	TARIKH LAWATAN TAPAK DAN MASA	25 April 2024 (Khamis) Jam 10.00 pagi
(v)	TARIKH & MASA MUAT TURUN DOKUMEN SEBUT HARGA	26 April 2024 (Jumaat, 10.00 pagi) hingga 1 Mei 2024 (Rabu, 5.00 petang)
(vi)	TARIKH TUTUP SEBUTHARGA	3 Mei 2024 (Jumaat) pada jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari

2. Kontraktor adalah **WAJIB** mendaftar dengan pihak PERDA dan melengkapkan profil syarikat dengan melayari perolehan.perda.gov.my pada bila-bila masa **sebelum** menyertai sebarang lawatan tapak sebutharga PERDA. Sila rujuk **PANDUAN PENGGUNAAN SISTEM PEROLEHAN PERDA** di dalam laman web tersebut. Kontraktor perlu mengimbas dan memuat naik dokumen wajib yang masih sah semasa pendaftaran dan perlu mengemaskini dari semasa ke semasa.

3. Lawatan tapak dan taklimat adalah **WAJIB**. Kontraktor dikehendaki berkumpul dan mendaftar di perkarangan **Dewan Gerakan Masyarakat Sungai Duri, Taman Sungai Duri** pada **25 April 2024 (Khamis), jam 10.00 pagi** dengan membawa **Kad Pengenalan, Sijil Perakuan Pendaftaran (CIDB), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (CIDB) dan Sijil Taraf Bumiputera (PKK)** yang masih sah. Hanya **Pemilik / Penama dalam Sijil sahaja yang dibenarkan membuat pendaftaran semasa lawatan tapak ini**. Kontraktor yang hadir, mendaftar lawatan tapak serta memenuhi syarat-syarat kelayakan sahaja yang boleh memuat turun dan mencetak sendiri kesemua **DOKUMEN SEBUTHARGA** dan **lain-lain Lampiran (jika ada)** di dalam laman sesawang perolehan.perda.gov.my bermula dari tarikh **26 April 2024 (10.00 pagi)** hingga **1 Mei 2024 (5.00 petang)**. Senarai dokumen **wajib** yang perlu dimuat turun dan dihantar adalah seperti berikut:

- i. Dokumen Sebutharga
- ii. Surat Pengesahan Pendaftaran PERDA

4. Dokumen yang lengkap diisi dan dilakri serta ditulis No. Sebutharga dan Tajuk Sebutharga di sudut atas sampul surat, hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di **Tingkat 5, Ibu Pejabat Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang, No. 1, Lorong Kampung Gajah 2, Jalan Kampung Gajah, 12200 Butterworth** pada **3 Mei 2024 (Jumaat) jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari**.

5. PERDA tidak akan terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas perbelanjaan berhubung dengan tawaran ini.